

08/08/1999

Jalur Gemilang tempuhi laluan sibuk

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Datuk Azhar Mansor yang dijangka kembali pada Rabu ini semakin hampir ke Sabang di utara Sumatera dan dijangka berdepan dengan kesibukan lalu lintas kapal yang keluar masuk Selat Melaka.

Menerusi e-mel harian Azhar ke Cabaran Jalur Gemilang yang berpangkalan di Awana Porto Malai, di sini, kira-kira jam 5.30 petang semalam, beliau melaporkan semuanya berjalan lancar.

"Pelayaran disifatkan baik dalam tiupan angin dari lembut kepada sederhana laju pada sepanjang masa. Cuaca mendung dan cerah diikuti hujan di beberapa kawasan terpencil," katanya.

Beliau belayar sejauh 175 batu nautika dalam tempoh 24 jam lalu dan perlu melayari Jalur Gemilang sejauh 640 batu nautika lagi sebelum mencecah garisan penamat di jeti Star Cruise di sini.

Azhar turut melaporkan posisi kapalnya kini berada pada latitud 03 darjah 40' 83" ke selatan, longitud 089 darjah 25' 45" ke timur dengan kelajuan sembilan knot.

Pelayar berusia 41 tahun itu juga melaporkan keadaan laut sederhana bergelora manakala angin bertiup dari barat daya dengan kelajuan antara lapan hingga 12 knot.

Difahamkan, berdasarkan kelajuan angin itu, laut dilaporkan bergelombang setinggi kira-kira 0.6 meter dengan permukaan laut memutih.

Cuaca pula dilaporkan mendung dengan suhu dalam kabin mencatatkan 33 darjah Celsius manakala matahari terbenam pada jam 8.15 malam waktu Malaysia.

Masuk hari ke-186 semalam, Azhar sudah belayar sejauh 24,798 batu nautika dan kini berada kira-kira 364 batu nautika dari Sabang di utara Sumatera.

Azhar yang berasal dari Kangar sudah memenuhi syarat World Sailing Speed Record Council (WSSRC) dengan melintasi garisan Khatulistiwa sebanyak dua kali, masing-masing pada 8 Februari dan 5 Ogos lalu.

Beliau juga sudah melepasi lima tanjung paling selatan iaitu Cape Leeuwin (3 Mac), South Cape of Tasmania (14 Mac), South Cape, New Zealand (19 Mac) dan Cape Horn (18 April) dan Cape of Good Hope (9 Julai).

Satu mesyuarat sempena menyambut kepulangan Azhar secara besar-besaran akan diadakan buat kali kedua di Awana Porto Malai hari ini.

Ia akan dipengerusikan oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Abdul Halil Mutalib.

Dalam mesyuarat pertama 2 Ogos lalu, beberapa atur cara dibincangkan termasuk penyerahan bendera Jalur Gemilang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga penaung projek Cabaran Jalur Gemilang.

Pada masa yang sama, bot polis marin akan mengiringi Jalur Gemilang dari jarak 20 batu nautika di laut ke pantai selain diberikan lintas hormat sebaik Azhar menghampiri pantai.

(END)